

31 AUG 1999

Mahathir-rasmi

DR MAHATHIR RASMIKAN MENARA KEMBAR PETRONAS

KUALA LUMPUR, 31 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan Menara Kembar Petronas dalam majlis yang gilang gemilang di sini malam ini.

Upacara tersebut yang diadakan hari ini, bertepatan dengan perayaan sabutan ulang tahun kemerdekaan negara yang ke-42, iaitu perayaan yang terakhir dalam alaf ini.

Menara setinggi 88 tingkat itu megah berdiri "dimandikan" sinaran cahaya laser yang bergemerlapan dan berwarna-warni yang boleh dilihat dari jarak yang jauh.

Menara setinggi 452 meter itu pada masa ini adalah menara kembar yang tertinggi di dunia.

Bangunan tersebut yang bernilai RM1.8 bilion, siap dibina dalam pertengahan tahun 1996, adalah ibu pejabat Petroliam Nasional Berhad (Petronas).

Acara perasmian bermula sejurus selepas ucapan Dr Mahathir dengan deklamasi sajak bertajuk "Di Sisi Menara" oleh kakitangan Petronas Abdullah Ahmad, yang ditulis oleh Sasterawan Negara Datuk A. Samad Said.

Ini diikuti dengan persembahan oleh Orkestra Philharmonik Malaysia dan tarian lilin oleh kumpulan seni Petronas.

Dr Mahathir kemudian menandatangani plak pada sebuah arca khas yang kemudiannya dipancarkan ke atas skrin berukuran 62m x 34m yang dipasang di bawah jambatan udara, yang menghubungkan menara pada aras 41 dan 42.

Dilihat dari atas, arca tersebut membentuk "jabat tangan" yang menunjukkan perpaduan dan kesanggupan rakyat Malaysia untuk bekerjasama bagi kebaikan negara.

Menara dan skrin gergasi kemudian menjadi latar kepada pertunjukan cahaya dan bunyi semasa tetamu seramai 1,200 menyaksikan pertunjukan bunga api.

Sebahagian daripada projek Kuala Lumpur City Center (KLCC), menara itu terletak di tengah-tengah kawasan perniagaan dan kewangan yang dikenali sebagai "Segitiga Emas."

Rakyat Malaysia dan pelancong tertarik dengan bahagian luar menara dengan reka bentuk keluli tahan karat yang memberikan rupa reben perak dan kaca, yang memantulkan cahaya matahari dan bergemerlapan seperti permata.

Bangunan tersebut mempunyai ciri-ciri bangunan pintar dengan spesifikasi khas untuk menghasilkan keselesaan bekerja yang maksimum dalam suasana yang selamat.

Lapan syarikat antarabangsa mengemukakan rekebentuk untuk ibu pejabat Petronas itu, dan sebuah reka bentuk daripada arkitek Amerika Syarikat yang terkenal Cesar Pelli akhirnya dipilih berikutan reka bentuknya yang memasukkan ciri-ciri keislaman.

Setiap menara mempunyai keluasan kasar lantai kira-kira 218,000 meter persegi.

Turut menjadi tarikan kepada pelawat ialah tempat letak kereta yang berhampiran dengan menara dan pusat membeli belah "Suria" di bahagian bawah menara kembar tersebut.

Petronas mempunyai 49.5 peratus kepentingan dalam pembangunan KLCC.

Menara Petronas telah menjadi lokasi sebuah filem Hollywood yang berjudul "Entrapment" yang mana pelakon terkenal Sean Connery dan Catherine Zeta Jones membintangi filem itu.

Dalam bulan September 1992, Dr Mahathir berkata tentang KLCC: "Projek

Malaysia yang unik ini adalah selaras dengan objektif kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020, dan ia sudah tentu meletakkan Kuala Lumpur dalam peta dunia."

Cesar pada suatu ketika pernah berkata: "anak kunci kepada kebolehan saya untuk mereka bentuk bangunan yang responsif dan bertanggungjawab dan pada masa yang sama memenuhi kehendak moden adalah hubungan yang konsisten antara sistem aestetik dan teknologi pembinaan.

"Adalah tidak benar kita perlu mempamerkan setiap kekuda, tetapi ia harus ada korelasi, dan ini telah membantu kesinambungan terhadap kerja saya," katanya.

-- BERNAMA

MAM RI